

**GABUNGAN MAJLIS GURU BESAR MALAYSIA
RESOLUSI KONVENTENSYEN PENDIDIKAN KE 14**

MENYEDARI DAN MENGINSAFI BAHAWA PIPP MENJADI TERAS DALAM MEREALISASIKAN ‘GURU BESAR CEMERLANG , NEGARA TERBILANG’
MAKA: KAMI PESERTA KONVENTENSYEN PENDIDIKAN KE 14 YANG BERSIDANG DI DEWAN KONVENTENSYEN, TAMAN TAMADUN ISLAM, KUALA TERENGGANU PADA HARI INI MENGAMBIL KETETAPAN; BAHAWA

1. KAMI KOMITED MELAKSANAKAN TUGAS SEBAGAI GURU BESAR – KEPEMIMPINAN DAN PENGURUSAN KEPENDIDIKAN DENGAN PENUH ILTIZAM, TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI KEARAH MENJADIKAN SEKOLAH KAMI SEKOLAH CEMERLANG.
2. KAMI MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PROGRAM UNTUK MENINGKATKAN KEUPAYAAN GURU DAN MURID MENJANA MODAL INSAN DI SEKOLAH KAMI KE TAHAP GEMILANG SESUAI DENGAN POTENSI DIRI MASING-MASING.
3. KAMI MENGGEMBELING SELURUH TENAGA DAN USAHA SERTA KEPAKARAN DI SEKOLAH, DAERAH, NEGERI DAN PERSEKITARAN MELAKSANAKAN PROGRAM BERIMPAK BESAR KHUSUSNYA PENDIDIKAN KEMAHIRAN INSANIAH (SOFT SKILLS) DEMI MENINGKATKAN KESEDIAAN ANAK DIDIK KAMI BERSAING DI PERINGKAT LOKAL DAN GLOBAL.
4. KAMI MENYOKONG DAN MENEGAKKAN SEMUA DASAR OPERASI, PROSES DAN PROSEDUR YANG DILAKSANAKAN OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA.
5. KAMI MEMOHON AGAR PENSTRUKTURAN PERJAWATAN DI SEKOLAH RENDAH SEGERA DIWUJUDKAN DAN LAKSANAKAN JAWATAN GURU BESAR SISWAZAH HAKIKI DG 41, DG 44 DAN KE ATAS, GURU BESAR BUKAN SISWAZAH HAKIKI DG 40, DG 38 DAN DG 36 SERTA GPK HAKIKI DGA 34.
6. MEMOHON DIIKTIRAF JAWATAN GURU BESAR SEBAGAI JAWATAN KUMPULAN PENGURUSAN (DG 36, 38 DAN 40 BUKAN LAGI DALAM KUMPULAN SOKONGAN).

DENGAN ITU KAMI MEMOHON PEMBELAAN KEBAJIKAN GURU BESAR MELALUI PENYEMAKAN SEMULA ELAUN GURU BESAR DINAIKKAN DARI RM 100 KEPADA RM 500 DAN ELAUN KERAIAN SEBANYAK 5% DIMASUKKAN TERUS KE DALAM EMOLUMENT.

7. BAGI MENJAMIN KELANCARAN PROGRAM-PROGRAM KEPENDIDIKAN DI SEKOLAH, KAMI MEMOHON AGAR NILAI PERKAPITA DINAIIKKAN 25% SELARAS DENGAN KEADAAN SEMASA
8. MEMBEKALKAN GURU JQAF MENGIKUT RATIO BILANGAN MURID MENGGUNA PAKAI RATIO BEKALAN GURU PENDIDIKAN ISLAM BERDASARKAN KERAMAIAH MURID.
9. MENGURANGKAN KERENAH BIROKRASI DENGAN BAHAGIAN ODIT SEKOLAH BERKAITAN DENGAN PERUBAHAN BAYARAN TAMBAHAN YANG DIKENAKAN KEPADA MURID, EKORAN ARAHAN YANG MELONGGARKAN SYARAT KEPADA MURID YANG TIDAK MAMPU UNTUK MENJELASKAN BAYARAN.
10. MENYEGERAKAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (SCHOOL BASE ASSESSMENT) BAGI MENGURANGKAN PENEKANAN KEPADA PEPERIKSAAN DAN MEMBUAT PENTAKSIRAN SECARA MENYELURUH.
11. MEMBERIKAN PERUNTUKAN KHSUS BAGI MENINGKATKAN ILMU DAN KEMAHIRAN KEPADA GURU BESAR BAGI MENGIKUTI SEMINAR, PERSIDANGAN, KONVENTSYEN DAN BENGKEL PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA.